

## FASAL KE EMPAT

### Pembatalan Tawaran Dan Penerimaan.

#### 4.1 : Pembatalan Tawaran.

(i) dalam perbincangan-perbincangan yang lalu telah diseterangkan bahawa apabila sesuatu tawaran itu diterima oleh pihak penerima, maka dikala itu wujudlah kontrak.

Perasanan yang ingin dibincangkan di sini ialah mengenai penawaran, apakah ianya masih boleh dibatalkan oleh pihak yang membuat tawaran tersebut dan apakah perkara-perkara serta keadaan-keadaan yang menyebabkan sesuatu tawaran itu menjadi batal dan tidak efektif.

Apa yang jelas kepada kita ialah sesuatu penerimaan yang sah dan mempunyai kesan di sisi undang-undang mestilah dibuat ketika penawaran masih wujud dan belum terbatal. Di dalam bahagian ini penulis akan membincangkan mengenai pembatalan tawaran berdasarkan pendapat ahli-ahli perundangan Islam serta apa yang terpakai di bawah undang-undang kontrak Malaysia.

##### a) Pembatalan tawaran oleh pihak yang membuat tawaran

Pembatalan tawaran oleh pihak yang membuat tawaran bermakna pihak penawar berhasrat untuk menarik kembali tawaran yang telah dibuat. Kedudukan perkara ini adalah jelas di bawah perundangan Islam.

Secara prinsipnya, hukum Islam membolehkan pihak penawar untuk membatalkan tawarannya selama mana ianya belum diterima.<sup>1</sup>

Menurut Dr. Muhammad Yusof Musa, pihak penawar adalah berhak untuk membatalkan tawarannya sekalipun majlis kontrak belum berakhiri dengan syarat belum berlakunya penerimaan.<sup>2</sup> Di dalam menjelaskan kedudukan perkara ini beliau berkata bahawa hak pemilikan (حق الملكية) yang dimiliki oleh pihak penawar adalah lebih kuat daripada "hak untuk memiliki" (حق الملك) yang dipunyai oleh pihak penerima. Maka kerana itulah hak pemilikan pihak penawar mestilah didahulukan dan diutamakan daripada "hak untuk memiliki" pihak penerima kerana di dalam situasi ini hak pihak penawar adalah abit secara asalnya sedangkan hak pihak penerima tidak dapat disabitkan kecuali dengan kesediaan pihak penawar.

Manakala Muhammad Salam Madkur pula di dalam menjelaskan perkara ini menyatakan bahawa adalah menjadi hak mutlak bagi pihak penawar untuk membatalkan tawarannya selagi belum berlakunya penerimaan atas dua sebab:

- a) tindakan pembatalan tawaran itu sama sekali tidak melibatkan hak orang lain;
- b) keharusan ini mestilah diwujudkan bagi memelihara kebebasan asal yang dimiliki oleh pihak penawar di dalam tindak-tanduknya.<sup>4</sup>

Atas dasar-dasar yang dinyatakan inilah maka perundangan Islam menganggap bahawa pihak penawar mempunyai kebebasan dan keharusan yang mutlak untuk menarik balik tawarannya selama mana ianya belum diterima.

Walaubagaimana pun perlu dinyatakan di sini bahawa para Malikiah mempunyai pandangan yang agak berbeza. Menurut mereka, bilamana pihak penawar membuat sesuatu tawaran, maka tawaran itu dengan sendirinya akan mengikat pihak penawar dan akibatnya pihak penawar tidak berhak untuk membatalkan tawarannya.

Ini bermakna tawaran tersebut akan terus mengikat pihak penawar sehingga berlakunya penerimaan, ataupun penolakan oleh pihak penerima ataupun terbatalnya penawaran dengan cara-cara yang lain.<sup>5</sup>

Apa yang pentingnya bagi fukahak Malikiah ialah bahawa pihak penawar sama-sekali tidak berkuasa untuk membatalkan tawarannya dan sekiranya ini dilakukan, pembatalan tersebut dianggap tidak sah.

Pada pendapat penulis, pendirian yang dipegang oleh golongan jumhur adalah lebih tepat dan munasabah dari golongan fukahak Malikiah dari segi hujjah dan dasar-dasar yang dipegang.

### Tawaran yang ditentukan tempoh masa penerimannya.

Dalam perundangan Islam, sekiranya pihak penawar menentukan jangkamasa tertentu (اطياع) bagi pihak penerima untuk memberikan jawapannya, maka tawaran tersebut dikira wujud selamamana tempoh masa bagi penerimaan belum berakhir. Ini bermakna penawaran tersebut akan mengikat diri pihak penawar sehingga tempoh yang ditetapkan itu tamat.<sup>6</sup>

Mengenai perkara ini Dr Abdul Fattah berkata :

Seandainya pihak penawar telah menetapkan satu jangkamasa bagi pihak penerima untuk memberikan jawapannya terhadap tawaran yang dibuat, samada menerima atau menolak, maka pihak penawar tersebut adalah terikat dengan tempoh tersebut dan dia tidak boleh menarik balik tawarannya dalam tempoh tersebut. Sekiranya penarikan tawaran dilakukan juga, ia juga dianggap tidak sah.<sup>7</sup>

Apa yang nyatanya ialah perundangan Islam menganggap bahawa perjanjian yang dibuat oleh pihak penawar untuk membuka tawarannya bagi satu tempoh tertentu sebagai satu perjanjian yang sah.

Kedudukan prinsip ini di bawah undang-undang kontrak Malaysia

Mengenai pembatalan tawaran oleh pihak yang membuat tawaran ini dinyatakan di bawah akta kontrak Malaysia seksyen 6 (a) iaitu :

"Sesuatu tawaran adalah dibatalkan :

- a) dengan mengkommunikasikan notis pembatalan oleh pihak penawar kepada pihak yang lain itu...."

Menurut undang-undang kontrak, sekiranya sesuatu tawaran ingin dibatalkan oleh pihak yang membuat tawaran, ada dua perkara yang perlu diperhatikan :

- a) Penawaran mestilah ditarik balik sebelum iaanya diterima;
- b) Notis pembatalan mestilah disampaikan ke pengetahuan pihak penerima.

a) Penawaran mestilah ditarik balik sebelum ianya diterima.

Ini bermakna sekiranya tawaran tersebut telah diterima, maka pihak penawar tidak boleh membatakan tawarannya lagi dan dia adalah terikat di sisi undang-undang untuk menunaikan segala synrat-syarat dan keperluan yang termaktub di dalam tawarannya. Perkara ini ada dijelaskan di dalam seksen.

5(1) akta kontrak yang menyatakan bahawa sesuatu tawaran itu boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaannya adalah lengkap terhadap penawar, tetapi tidak selepasnya.

Apa yang jelasnya berdasarkan seksen ini ialah apabila belum berlakunya suatu "penerimaan yang lengkap" (penerimaan yang mengikat pihak penawar) maka sesuatu tawaran itu masih boleh dibatalkan.

Adalah jelas di sini bahawa kedudukan perkara ini mempunyai persamaan yang nyata dengan prinsip perundangan Islam yang telah pun dijelaskan.

b) Notis pembatalan mestilah disampaikan ke pengetahuan pihak penerima.

Untuk menjadikan sesuatu notis pembatalan itu lengkap dan efektif di sisi undang-undang, ianya mestilah disampaikan ke pengetahuan pihak penerima. Seksen 4 (3b) akta kontrak Malaysia menjelaskan bahawa "notis pembatalan adalah

lengkap terhadap pihak penerima bila mana notis pembatalan itu sampai ke pengetahuannya

misalnya, seperti yang dinyatakan di dalam akta kontrak, seandainya A membatalkan tawarannya yang dibuat kepada B melalui telegram, pembatalan adalah lengkap terhadap B apabila B menerima telegram tersebut. Yaitu: pembatalan tawaran yang dibuat oleh A hanya efektif di bawah undang-undang bila mana B menerima telegram itu.

misalnya yang lain, sekiranya A telah menawarkan tawarannya kepada B, A tidak boleh membatalkan tawaran tersebut dengan hanya mengubah sikirannya untuk memasukkkan perjanjian itu. Tetapi B masih diberi ikuhan mengenai pembatalan itu. Tetapi sekiranya B membuat penerimaan kepada tawaran A dalam keadaan di mana notis pembatalan tawaran yang dibuat oleh A belum sampai kepadanya (Ini boleh terjadi dalam komunikasi secara pos), maka penerimaan B dikira sah di sisi undang-undang dan A adalah berikat dengan penerimaan itu.<sup>9</sup>

Indudukan perkara ini boleh dilihat di dalam satu kes terkenal Byrne lawan Van Tienhoven.<sup>10</sup>

Dalam kes ini defenden telah membuat tawaran untuk menjual 1.000 kotak tin bersedur timah kepada plaintiff melalui surat pada 1 Oktober. Tetapi pada 8 Oktober defenden

menyatakan surat yang kedua bukannya membatalkan tawarannya pada 1 Oktober yang lalu. Tetapi sebaliknya surat pembatalan itu hanya tiba ke plaintif pada 20 Oktober sehingga plaintif telah menyatakan kawat tentang menerima surat yang dipos pada 15 Oktober. Mahkamah menuturkan bahawa kontrak telahpun berjalan kerana pembatalan tawaran yang dibuat oleh defendant hanya berkuatkuasa pada 20 Oktober iaitu apabila surat tersebut sampai ke pihak plaintif sedangkan plaintif henti pun menerima tawaran itu sebelum dari tarikh 20 Oktober.

Tawaran yang ditentukan tempoh menerimaanya di bawah undang-undang kontrak Malaysia

Bawah undang-undang kontrak Malaysia, sekiranya pihak penawar telah berjanji untuk membuka tawarannya untuk satu jangka masa tertentu, dia masih berhak di sisi undang-undang untuk menarik balik tawarannya sebelum berakhirnya tempoh masa yang ditetapkan.<sup>11</sup> Kedudukan perkara ini tentunya agak berbeza dengan prinsip perundangan Islam seperti yang telah pun dijelaskan sebagai contohnya, sekiranya A menawarkan keretanya untuk dijual kepada B dengan harga 5,000 dan memberi masa tiga hari untuk B membuat keputusan, A tidaklah terikat di sisi undang-undang untuk membuka tawaran itu selama tiga hari. Malah dia

boleh menjual keretanya kepada C (pihak yang lain) di hari kedua. Nampaknya undang-undang kontrak menganggap janji yang dibuat oleh A untuk membuka tawarannya selama tiga hari sebagai suatu janji yang tidak mengikat dirinya di sisi undang-undang.

Menurut undang-undang kontrak, di dalam kes-kes seperti ini pihak penawar dianggap hanya membuat janji yang bersifat ~~PERCUMA~~ (gratuitous promises) kerana perjanjian yang dilakukan terhadap pihak penerima itu tidak mengembalikan sebarang balasan (consideration) kepada dirinya sebagai bayaran kepada janji tersebut. Kerana itulah perjanjian seperti ini (perjanjian untuk membuka tawaran bagi tempoh tertentu) dikira tidak mengikat pihak penawar di sisi undang-undang.<sup>12</sup>

### Pengecualian daripada kaedah

Walaubagaimana pun mengikut undang-undang kontrak Malaysia terdapat sedikit pengecualian dalam keadaan-keadaan tertentu iaitu bilamana pihak penawar yang berjanji untuk membuka tawaran tersebut untuk tempoh tertentu telah menerima apa-apa balasan (walaupun sedikit) dari pihak penerima. Maka dalam keadaan seperti ini pihak penawar adalah terikat di sisi undang-undang ini untuk membuka tawarannya kepada pihak penerima tersebut sehingga tamatnya tempoh yang dijanjikan.<sup>13</sup>

Seorang ahli undang-undang Inggeris berkata

Seandainya pihak penawar berjanji untuk membuka tawarannya untuk tempoh tertentu dengan disokong oleh apa-apa balasan yang diberi oleh penerima sebagai bayaran kepada janji tersebut, maka pihak penawar adalah terikat dengan janjinya.<sup>14</sup>

Kita boleh melihat penggunaan prinsip ini di dalam kes Routledge Iwan Grant di mana di dalam kes ini pihak defenden telah membuat tawaran untuk membeli sebuah rumah dan memberikan tempoh selama enam minggu kepada plaintif untuk memberikan jawapannya. Di dalam kes ini, antara perkara yang diputuskan oleh mahkamah ialah bahawa pihak defenden berhak untuk membatalkan tawarannya untuk membeli rumah tersebut meskipun tempoh enam minggu yang ditetapkan bagi masa penerimaan belum tamat dengan syarat belum berlakunya penerimaan.<sup>15</sup>

Di dalam kes yang lain, Dickinson Iwan Dods, pihak defenden telah membuat tawaran secara bersurat pada 10 JUN kepada plaintif untuk menjual rumahnya. Di dalam surat tersebut pihak defenden menyatakan bahawa tawarannya akan dibuka sehingga jam 9:00 pagi pada 12 JUN. Tetapi pada 11 JUN pihak defenden telah pun menjualkan rumahnya kepada Allan (pihak ketiga) dan pada petang hari tersebut plaintif telah diberitahu mengenai

penjualan tersebut oleh Berry (pihak keempat). Sebelum menjelangnya jam 9:00 pagi pada 12 JUN, plaintif membuat penerimaan terhadap tawaran itu dengan mengeposkan surat makmi.

Di dalam kes ini antara lain mahkamah memutuskan bahawa meskipun tawaran tersebut dibuka kepada plaintif sehingga 12 JUN, tetapi disebabkan tidak adanya balasan kepada janji yang dibuat oleh defendant dari pihak plaintif sebagai bayaran kepada janji tersebut, maka defendant adalah berhak untuk membatalkan tawarannya pada bila-bila masa yang dikehendaki.<sup>16</sup>

Berdasarkanuraian-huraian yang dibincangkan adalah jelas terdapat perbezaan di antara undang-undang Islam dan undang-undang kontrak Malaysia mengenai persoalan bilamana pihak penawar berjanji untuk membuka tawarannya untuk "satu tempoh tertentu".

Pembatalan tawaran di dalam kontrak yang ditujukan kepada dunia umum.

Satu perkara yang perlu dibincangkan di sini ialah mengenai pembatalan tawaran terhadap kontrak yang ditujukan kepada dunia umum seperti kontrak al Ja'aalah ataupun apa yang dipanggil sebagai kontrak unilateral (kontrak sebelah pihak) menurut istilah undang-undang Inggeris.

Sebagai misalannya seperti pihak penawar menjanjikan bayaran hadiah tertentu sekiranya si A dapat melaksanakan sesuatu perkara atau tugas yang dikehendakinya. Di dalam kontrak-kontrak seperti ini persoalan mengenai pembatalan tawaran tidak timbul sekiranya pihak penerima masih belum melaksanakan apa-apa tugas yang dikehendaki. Ini adalah kerana pembatalan tawaran dalam situasi ini merupakan pembatalan tawaran sebelum berlakunya penerimaan. Maka kedudukan perkara ini jelas dibolehkan di bawah perundangan Islam dan undang-undang kontrak Malaysia.

Apa yang menjadi persoalan ialah bolehkah pihak yang membuat tawaran membatalkan tawarannya sedangkan pihak penerima telah mula melaksanakan tugas yang dikehendaki oleh penawar tetapi belum menyempurnakannya. belum selesai

Nampaknya di bawah perundangan Islam, pihak penawar masih berhak untuk membatalkan tawarannya walaupun pihak penerima telah mula melakukan tugas yang dikehendakinya tetapi belum menyempurnakannya. Tetapi pembatalan tawaran dalam konteks ini mewajibkan pihak penawar untuk memberi bayaran yang munasabah (اجر متناسب) bersesuaian dengan kadar tenaga yang telah dicurahkan oleh pihak penerima.<sup>17</sup>

Nampaknya perundangan Islam menganggap apa yang telah dilakukan oleh pihak penerima bukanlah sesuatu yang bersifat percuma . Kerana itulah dia berhak dengan bayaran yang munasabah sekiranya tawaran ditarik balik sebelum dia menyempurnakan tugas yang dikehendaki.

Pada pendapat penulis , kedudukan perkara ini tentulah adil dan munasabah kerana sekiranya sesuatu kontrak seperti al-Ja'malah itu ditujukan kepada seseorang yang khusus ( معين )<sup>18</sup> maka pembatalan tawaran yang dibuat secara tiba-tiba ( yakni ketika tugas yang dikehendaki belum diselesaikan ) tentunya tidak akan merugikan pihak penerima ( العامل ), kerana dia masih berhak dengan pembayaran "ujrah misli" sebagai bayaran sekadar apa yang telah dilakukan.

Kedudukan prinsip ini adalah penting . terutamanya bila mana pihak penerima telah menghabiskan tenaga dan wang yang banyak kerana perlaksanaan tugas tersebut.

Nampaknya kedudukan perkara ini mempunyai perbezaan yang ketara dengan apa yang terpakai di bawah common law Inggeris.

Menurut satu pendapat yang dikemukakan oleh Sir Frederick Pollock , beliau menyatakan bahawa di dalam kontrak unilateral ini, seandainya pihak penerima telah mula melaksanakan tugas yang dikehendaki oleh pihak penawar tetapi belum menyempurnakannya , maka pihak

penawar dianggap tidak berhak lagi untuk menarik kembali tawarannya. Tetapi pihak penawar hanya berkewajipan di sisi undang-undang untuk membayar hadiah yang ditawarkan itu sekiranya pihak penerima dapat menyelesaikan tugas yang dikehendakinya.<sup>19</sup> Sekiranya pihak penerima gagal menyempurnakan tugas yang dikehendaki maka kewajipan membayar dari pihak penawar menjadi terhenti.

Pendapat yang dikemukakan oleh Sir Frederick ini nampaknya mempunyai asas dengan melihat kes Errington Inwan Errington.<sup>20</sup> Di dalam kes ini seorang ayah telah berjanji kepada anak lelakinya dan menantunya bahawa rumah yang didiami oleh mereka di kala itu akan menjadi hak milik mereka sebaik sahaja mereka dapat menyempurnakan pembayaran sewa-beli (bayaran bulanan) terhadap rumah itu. Anak lelakinya telah mula membuat pembayaran "sewa-beli" seperti mana yang dikehendaki oleh ayahnya.

Di dalam kes ini, Denning L.J. menyatakan bahawa janji yang dibuat oleh ayah tersebut merupakan satu kontrak unilateral iaitu suatu perjanjian untuk menyerahkan hak milik rumah sekiranya pihak penerima dapat melaksanakan pembayaran sewa-beli seperti yang dikehendaki. Atas dasar ini maka kontrak ini tidak boleh dibatalkan sekiranya pihak penerima telah mula membuat pembayaran sewa-beli. Tetapi pihak penawar (ayah tersebut) adalah

tidak terikat untuk menyerah-silikan rumah itu sekiranya pembayaran sewa-beli pihak penerima tidak lengkap dan tidak sepenuhnya.

Berdasarkan huraian-huraian ini adalah jelas bahawa di dalam kontrak unilateral ini ( iaitu perjanjian untuk memberikan hadiah dan bayaran kerana perlaksanaan sesuatu tugas ), di bawah perundangan Islam pihak yang membuat tawaran masih berhak membatalkan tawarannya walaipun pihak penerima telah mula melaksanakan tugas yang dikenyatakan sedangkan di bawah common law pihak penawar tidak berhak untuk menarik kembali tawarannya sekiranya telah berlaku sesuatu perlaksanaan dari penerima.

#### b) Pembatalan Tawaran Dengan Peluputan Masa.

Sekiranya pihak penawar menentukan satu tempoh tertentu bagi pihak penerima untuk membuat penerimaannya, maka peluputan tempoh tersebut dianggap membatalkan tawaran. Ini bermakna sebarang penerimaan yang dibuat selepas tamatnya tempoh tersebut adalah dikira tiada sah dan tidak mengikat pihak penawar.

Kedudukan perkara ini jelas dinyatakan di dalam perundangan Islam.

Menurut Ahmad Farraj Husin, sekiranya pihak yang membuat tawaran telah menetapkan satu tempoh tertentu bagi pihak menerima untuk menyatakan keputusannya samada menerima ataupun menolak, maka tawaran dikira wujud dan mengikat pihak penawar sehingga tamat tempoh yang ditetapkan.<sup>21</sup>

Ini bermakna seandainya penerimaan tidak dibuat sehingga berlalunya tempoh yang telah ditetapkan, maka tawaran akan menjadi terbatal dengan sendirinya.<sup>22</sup>

Alasan bagi prinsip ini adalah jelas kerana di bawah perundangan Islam, penetapan tempoh yang dibuat oleh pihak penawar dikira sebagai masa "majlis kontrak". Ini bermakna bilamana tempoh tersebut berakhir maka berakhirlah "majlis kontrak" dan ini memaklumkan mengenai berakhirnya penawaran yang dibuat.

Kedudukan perkara ini juga dinyatakan di bawah undang-undang kontrak Malaysia.

Seksyen 6 (b) akta kontrak Malaysia menyatakan bahawa:

"Sesuatu cadangan adalah dibatalkan :

(b) dengan luputnya waktu yang telah ditetapkan dalam cadangan itu mengenai penerimaannya ,

Mengenai kedudukan prinsip ini Atiyah berkata:

" Sesuatu tawaran itu menjadi terbatas dengan berlalunya masa (lapse of time). Ini bermakna sekiranya sesuatu tawaran itu tidak diterima dan tidak pula ditolak dan tidak pula dibatalkan, maka tawaran itu dengan sendirinya akan berbatas dengan berlalunya masa."<sup>23</sup>

Satu persoalan yang mungkin timbul ialah bagaimanakah kedudukannya sekiranya tawaran dibuat dengan tidak dinyatakan bahawa iaanya berakhir.

Kedudukan perkara ini adalah agak jelas di dalam perundangan Islam iaitu sekiranya tawaran dibuat dengan tidak dinyatakan ataupun ditetapkan satu jangkamasa tertentu bagi penerimaan, maka tawaran tersebut mestilah diterima sebelum berakhirknya majlis kontrak. Sebarang penerimaan yang dibuat setelah tamatnya majlis kontrak dianggap tidak sah.<sup>24</sup>

Apa yang dipentingkan oleh perundangan Islam ialah mengenai kedudukan majlis kontrak samada ianya masih wujud ataupun ataupun tidak ketika penerimaan dibuat. Sekiranya pihak penawar berhasrat untuk membuka tawarannya untuk satu jangkamasa yang lebih lama maka ketetapan masa tersebut mestilah dijelaskan.

Apa yang jelasnya kedudukan prinsip ini agak berbeza dengan apa yang terpakai di bawah undang-undang kontrak Malaysia.

Menurut undang-undang kontrak Malaysia seksyen 6(b),

sekiranya sesuatu tawaran dibantah dengan tidak dinyatakan tempoh masa ia pun dibuka, maka tawaran tersebut dikira terbatalkan dan berakhir dengan luputnya waktunya yang munasabah.

Seksyen 6 (b) akta kontrak Malaysia menjelaskan :

Sesuatu cadangan adalah dibatalkan :

- (b) dengan luputnya waktu yang ditetapkan dalam cadangan mengenai penerimaannya atau bila waktu tidak ditetapkan sedemikian, dengan luputnya waktu yang munasabah tanpa komunikasi penerimaan itu.

Ini bermakna bilamana masa dan tempoh bagi penerimaan bukak di jelaskan, maka tawaran itu mestilah diterima di dalam masa yang munasabah, yang berseuaian dengan kewadaan kontrak.<sup>25</sup>

Seorang ahli perundangan Inggeris Atiyah telah berkata

Sekiranya tempoh masa sesuatu tawaran dibuka tidak dinyatakan, maka tawaran itu dikira berakhir dengan keluputan masa yang munasabah.<sup>26</sup>

Matiakala seorang lagi ahli perundanga Inggeris yang terkenal ALBION telah menjelaskan prinsip ini dengan berkata bahawa kesatu tawaran boleh menjadi batal dengan peluputan masa yang munasabah adalah atas dasar tindakan pihak penerima yang selambat-lambatnya penerimaan dianggap telah membayangkan niatnya untuk menolak tawaran.<sup>27</sup>

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai penggunaan prinsip ini, kita boleh melihat di dalam kes Ramskate Victoria Hotel Co. Ltd. lawan Montefiore di mana dalam kes ini defenden telah memohon saham dalam syarikat apel tersebut pada bulan JUN dan membayar cengkeram melalui bank syarikat itu. Tetapi hanya pada bulan NOVEMBER baru lah syarikat itu memberitahu kepadanya bahawa saham-saham yang dipohnnya itu telah diberikan kepadanya dan haki harga belian mestilah dibayar. Defenden enggan mengambil saham-saham tersebut.

Mahkamah memutuskan bahawa keengganan pihak defenden adalah beralasan kerana tawaran untuk membeli saham-saham syarikat tersebut seharusnya diterima oleh syarikat dalam waktu yang munasabah sedangkan tempoh antara JUN dan November adalah terlalu lama dan pastinya tidak munasabah.<sup>28</sup> Maka dengan tempoh jangka masa yang lama tersebut, tawaran pihak defenden dianggap dengan sendirinya telah berakhiri.

Pada dalam satu lagi kes yang berlaku di Amerika iaitu Loring lawan City of Boston, satu ganjaran hadiah telah ditawarkan pada May 1837 pada sesiapa yang berjaya menangkap seorang penjenayah. Penyataan tawaran itu telah diiklankan di dalam akhbar selama seminggu dan tidak pula dinyatakan sehingga bila tawaran itu dibuka. Pada Januari 1841, penjenayah tersebut telah berjaya ditangkap dan plaintif telah mendakwa di mahkamah untuk mendapatkan ganjara yang ditawarkan.

Mahkamah telah memutuskan bahawa tawaran tersebut telah dikira berakhir dengan peluputan masa dan plaintif tidak berhak dengan ganjaran itu.<sup>29</sup>

Berdasarkanuraian-huraian ini adalah jelas bahawa prinsip tawaran boleh terbatasi dengan peluputan waktu yang manusabah hanya diperkatakan oleh undang2 kontrak moden di manakala prinsip ini tidak pula diperkatakan oleh ahli-ahli perundangan Islam.

### C) ROSAKNYA BENDA YANG DIKONTRAKKAN

Menurut perundangan Islam, sekiranya benda yang dikontrakkan (معلم التعاقد) rosak ataupun berubah sifatnya sebelum perlakunya penerimaan, maka keadaan ini akan membatalkan tawaran atas dasar benda yang menjadi tempat berkontrak telah tidak wujud lagi.<sup>30</sup>

tawaran akan menjadi terbatas dengan kerusakan atau perubahan yang berlaku terhadap benda atau perkara yang dikontrakkan, semada perubahan (kerusakan) tersebut secara menyeluruh (كلياً) ataupun sebahagiannya. (جزئياً)<sup>31</sup>

Sebagaiman misalannya, sekiranya A menawarkan nira kepada B tetapi nira tersebut telah berubah menjadi cuka sebelum penerimaan, keadaan ini dengan sendirinya akan membatalkan tawaran.<sup>32</sup>

Kedudukan prinsip ini di bawah undang-undang kontrak

#### Malaysia

Nampaknya persoalan tawaran terbatas dengan sebab kerusakan atau perubahan yang berlaku terhadap benda atau perkara yang dikontrakkan tidak pula dinyatakan di dalam akta kontrak Malaysia. Namun demikian kedudukan perkara ini bolehlah ditunjukkan kepada pemakaian undang-undang Inggeris.

Menurut undang-undang Inggeris, sekiranya sesuatu tawaran dihantui atas kewujudan sesuatu perkara atau keadaan, maka tawaran tersebut dikira berakhir dan tidak boleh diterima sekiranya perkara atau benda yang dikontrakkan itu telah tidak wujud ataupun berubah.<sup>33</sup>

Sesuatu kes yang boleh menjelaskan perkara ini adalah

Financings Ltd lawan Stimson.

Dalam kes ini pihak defendant telah menandatangani suatu perjanjian di mana dia sanggup membeli sebuah kereta berang perjanjian di mana dia sanggup membeli sebuah kereta

secara "sewa-beli" dari syarikat pihak plaintif. Di dalam borang perjanjian tersebut dia menyatakan bahawa "ia hanya akan mengikat sekiranya borang perjanjian itu telah ditandatangani oleh pihak syarikat itu".

Sebelum syarikat plaintif menandatanganinya, kereta tersebut telah dicuri dan kesudianya dijumpai semula dalam keadaan yang telah rosak. Tanpa mengetahui akan hal keadaan kereta tersebut yang telah rosak, pihak plaintif telah menurunkan tandatangannya. Walaubagaimana pun pihak defenden enggan meneruskan kontrak pembelian kereta tersebut. Pihak plaintif telah mendakwa pihak defenden atas "pecah kontrak".

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa tawaran itu banya boleh diterima jika kereta itu masih kekal dalam keadaannya yang asal. Disebabkan kereta tersebut telah pun berubah sifatnya sebelum pihak plaintif menandatangani penerimaannya maka tawaran dianggap telah berakhir dan tidak wujudlah apa-apa kontrak di sini. Tuntutan plaintif gagal.<sup>34</sup>

Berdasarkan huraian-huraian ini adalah jelas bahawa kedudukan sesuatu tawaran menjadi terbatal dengan sebab kerosakan atau perubahan yang berlaku pada benda yang dikontrakkan adalah sama di bawah perundangan Islam dan undang-undang kontrak Malaysia.

#### D) Penolakan tawaran oleh pihak penerima. (Rejection)

Menurut perundangan Islam, sekiranya sesuatu tawaran yang dibuat itu ditolak oleh pihak penerima, samada penolakan itu dibuat secara terang-terangan ( صراحت ) seperti beliau berkata "Saya tidak terima" ataupun penolakan berlaku secara nambaran atau perbuatan ( لمح ) seperti beliau berpaling dan membuat perkara-perkara yang tidak berkaitan, maka penolakan tersebut dikira membatalkan tawaran yang dia. 35

Bawah perundangan Islam juga, sekiranya sesuatu tawaran itu dibuka untuk "satu jangkamasa tertentu" ( seperti seminggu ), tetapi pihak penerima telah membuat penolakan tawaran sebelum tamatnya tempoh yang ditetapkan bagi penerimaan, maka penolakan seperti ini juga dikira telah membatalkan tawaran. Ini bermakna undang-undang Islam menganggap "penolakan terhadap tawaran" sebagai sesuatu yang membatalkan tawaran secara total dan sebarang penerimaan yang dibuat selepas daripada itu dianggap tidak sah dan tidak mengikat pihak penawar meskipun "tempoh penerimaan" pada asalnya belum berakhiri. 36

Perundangan Islam menganggap penerimaan yang dibuat selepas dari penolakan adalah seperti penerimaan kepada sesuatu

tawaran yang telah pun terbatal dan kerana itulah penerimaan tersebut dikira tidak sah.<sup>37</sup>

Walabagaimana pun penerimaan yang dibuat selepas daripada penolakan kepada tawaran tetap diberi pertimbangan yang wajar oleh fekah Islam di mana ianya dianggap sebagai satu "tawaran baru" (جوابٌ جديداً،) dan terpulanglah kepada pihak penawar yang asal untuk menerima atau menolak.<sup>38</sup> Apa yang jelasnya ialah penerimaan yang dibuat selepas penolakan tidak akan mengikat pihak penawar yang asal.

#### Kedudukan prinsip ini di bawah undang-undang kontrak.

(i) bawah undang-undang kontrak Malaysia , persoalan pembatalan tawaran dengan sebab penolakan yang dibuat oleh pihak penerima tidak pula dinyatakan.

Walabagaimana pun kedudukan prinsip ini boleh dirujuk kepada pemakaiannya di bawah undang-undang Common law Inggeris.

(ii) bawah undang-undang Inggeris , penolakan terhadap tawaran (rejection) dikira telah membuatkan sesuatu tawaran itu berakhir. Akibat daripada penolakan tersebut, maka pihak penerima tidak boleh kemudiannya mengubah fikirannya untuk menerima tawaran tersebut kecuali sekiranya pihak penawar membuat tawaran yang baru.<sup>39</sup>

Nampaknya kedudukan perkara ini adalah bersamaan dengan prinsip perundangan Islam sepetimana yang telah dijelaskan. Bagaimana di bawah perundangan Islam sesuatu tawaran itu boleh ditolak samada secara "terang" ataupun secara "dimini". Nampaknya kedudukan perkara ini juga diterima oleh undang-undang Inggeris di mana penolakan terhadap tawaran dikira sah dan boleh berlaku melalui tindakan dan perbuatan pihak penerima. Ini mungkin terjadi melalui tindakan dari pihak penerima yang meonggambarkan bahawa dirinya tidak lagi berhasrat untuk menerima tawaran yang ditujukan kepadanya. Kedudukan perkara ini jelas bersamaan dengan perundangan Islam.<sup>40</sup>

Seporang ahli perundangan Inggeris Anson berkata: "Sesuatu penolakan terhadap tawaran itu tidak semestinya dinyatakan sechera pengucapan, tetapi ia juga boleh berlaku bilamana pihak penawar telah difahamkan bahawa pihak penerima telah tidak berniat untuk menerima tawarannya."<sup>41</sup>

Satu perkara yang penting dinyatakan di sini ialah menurut undang-undang Inggeris, sesuatu penolakan terhadap tawaran dianggap tidak efektif dan tidak membatalkan tawaran sehingga notis penolakan tawaran itu sampai ke pengetahuan pihak penawar. Ini bermakna selagi mana notis penolakan tawaran belum sampai ke pihak penawar, maka penerimaan masih boleh dibuat.<sup>42</sup>

Pecitel berkata: "Adalah jelas bahawa penolakan terhadap tawaran sama sekali tidak mempunyai kesan sehingga salah bilamana notis penolakan itu benar-benar telah tiba ke pengetahuan pihak penawar"<sup>43</sup>

Sebagaimisalan bagi prinsip ini, sekiranya A membuat tawaran kepada B melalui surat dan bilamana B menerima surat tawaran tersebut, beliau mengeposkan surat penolakan terhadap tawaran itu. Tetapi sebaik sahaja mengeposkan surat penolakan itu B berubah fikiran lalu segera menghubungi A melalui telefon untuk menerima tawaran. Maka penerimaan yang dibuat oleh B adalah sah dan wujudlah kontrak dengan syarat ketika B menghubungi A untuk menyatakan penerimaannya. surat penolakan yang diposnya belum tiba

ke A.<sup>44</sup>

Dalam misalan ini adalah penting bagi B untuk memaklumkan penerimaannya kepada A sebelum surat penolakannya tiba ke A. Sekiranya ini tidak berlaku, maka penerimaan yang dibuat oleh B dikira tidak sah.

Sebagaimisalannya bolehlah dikatakan bahawa ahli-ahli perundangan Islam dan Inggeris telah sepakat menyatakan bahawa penolakan tawaran oleh pihak penerima dianggap sebagai salah satu sebab yang menyebabkan sesuatu tawaran itu berakhir.

(i) Kesepakatan dan hilang kelebihan terhadap sesuatu kontrak.

Menurut perundangan Islam, sekiranya pihak yang membuat tawaran mati ataupun hilang kelayakan untuk berkontrak (seperti menjadi gila) sebelum tawaran diterima, maka keadaan ini dengan sendirinya akan membatalkan tawaran tersebut. Keadaanya tawaran tersebut diterima juga, maka penerimaan adalah tidak sah dan tidak wujudnya apa-apa kontrak.<sup>45</sup>

Menurut perundangan Islam, sesuatu kontrak yang sah itu menghendaki wujudnya ikatan diantara tawaran dan penerimaan. Maka bilamana pihak penawar mati ataupun hilang kelayakan berkontrak, kedudukan tawaran menjadi seperti tidak wujud. Akibat daripada itu maka keadaan penerimaan yang berlaku adalah seperti diikatkan dengan sesuatu yang telah pun tidak wujud dan kerana itulah kontrak tidak boleh wujud di sini.<sup>46</sup>

Ahmad Farraj Hussein di dalam menjelaskan kedudukan perkara ini berkata bahawa antara sebab mengapa tawaran dikira terbatal adalah bertujuan untuk memelihara hak pihak penawar untuk menarik kembali tawarannya sekiranya dia masih hidup ataupun berakal sempurna. Ini bermakna bahawa di dalam situasi seperti ini hak tersebut telah terlucut dari pihak yang membuat tawaran dan kerana itulah penerimaan dikira tidak sah.<sup>47</sup>

Apa yang pentingnya di sini ialah kematian ataupun hilang kelayakan pihak penawar mestilah berlaku sebelum tawaran diterima. Seandainya ia berlaku selepas penerimaan, maka kontrak dikira telah pun wujud.

Begitu juga menurut perundangan Islam, seandainya sesuatu tawaran ditujukan kepada orang tertentu, tetapi orang tersebut mati ataupun hilang kelayakan sebelum penerimaan, maka keadaan ini juga dikira membatalkan tawaran. Dr dalam situasi seperti ini juga pewaris-pewaris kepada pihak yang mati itu tidak boleh menggantikan tempatnya untuk menerima tawaran tersebut kerana hak untuk menerima ( خيار القبول ) tidak boleh diwarisi menurut hukum Islam.<sup>48</sup>

Kcludingan kematian dan hilang kelayakan di bawah undang-undang kontak Malaysia.

Menurut seksen 8(d) akta kontak malaysia, sesuatu tawaran akan menjadi terbatal dengan sebab kematian ataupun sakit otak pihak yang membuat tawaran dengan syarat bahawa pihak penerima telah mengetahui fakta ini sebelum penerimaan dibuat.

Apa yang jelasnya berdasarkan seksen ini, kematian ataupun sakit otak bukanlah secara mutlaknya membatalkan tawaran. Lainya hanya dikira membatalkan tawaran seandainya pihak penerima mengetahui fakta tersebut sebelum penerimaan dibuat.

ini memaklumkan bahawa seandainya tawaran diterima dalam keadaan jahil mengenai fakta tersebut, maka kontrak dikira wujud.

(ii) dalam satu kes Inggeris Bradbury lawan Morgan kita boleh melihat penggunaan prinsip ini

(iii) dalam kes ini, J.M. Leigh iaitu pihak penawar telah menulis surat kepada pihak plaintif (pihak penerima) meminta mereka memberikan pembayaran secara kredit (pembayaran secara penangguhan) kepada Y (defenden) di mana J.M. Leigh telah memberi jaminan untuk menjelaskan semua bayaran secara kredit yang dibuat oleh pihak Y itu.

Pihak plaintif telah bersetuju untuk memberikan pembayaran secara kredit kepada Y. Tetapi bilamana J M Leigh (penawar) telah mati, pihak plaintif masih menerima bayaran secara kredit yang dibuat oleh pihak Y dalam keadaan tidak menyedari mengenai kematian L M Leigh. Bilamana telah menyedari mengenai kematian pihak penawar itu, pihak plaintif pun telah mendakwa di mahkamah untuk mendapatkan semua bayaran secara kredit yang telah dibuat oleh pihak Y seperti mana yang telah dijanjikan. Defenden telah enggan membuat pembayaran tersebut dengan mendakwa bahawa kontrak telah pun berakhir dari saat kematian J M Leigh.

Walaubagaimana pun mahkamah memutuskan bahawa pihak defenden adalah bertanggungjawab untuk membayar plaintif kerana

kontrak dikira wujud sehinggalah pihak penerima menyedari mengenai kematian itu.<sup>49</sup>

Analisis jelas berdasarkan kes ini bahawa kejanilan mengenai mengenai kematian atau hilang kelayakan pihak penawar oleh pihak penerima menyebabkan sesuatu penerimaan itu sah dan mewujudkan kontrak. Ketudukan kes ini nampaknya amat setepatan dengan prinsip undang-undang kontrak Malaysia seperti yang telah dijelaskan.

Walaubagaimana pun di dalam satu kes Inggeris yang lain *Mitkinson lawan Doods*, telan menjelaskan bahawa sekiranya penerimaan berlaku dalam keadaan di mana pihak penawar telah mati, maka penerimaan dikira tidak sah dan tidak mewujudkan apa-apa kontrak sekalipun pihak penerima tidak menyedari mengenai fakta kematian itu.

Dalam kes ini, Melish L. J. menyatakan di dalam "Obiter dictum" bahawa sekiranya orang yang membuat tawaran mati maka tawarannya tidak boleh diterima selepas daripada kematiannya.<sup>50</sup>

Pengalaman kes ini, prinsip yang dikemukakan oleh Melish L. J. ini nampaknya prinsip yang berkesuaian dan menepati dengan prinsip keikhahan lebih bersesuaian dan berundangan Islam. Walaubagaimana pun Dr. Cheshire iaitu seorang yang sungguh berasal dari undang-undang kontrak Inggeris menganggap prinsip yang diputuskan di dalam kes

Kendbury lawan Morgan sebagai prinsip yang lebih menggambarkan kedudukan undang2 kontrak Inggeris yang sebenarnya. 51

Setu lagi persoalan yang timbul ialah bilamana sesuatu tawaran itu ditujukan kepada orang tertentu dan orang tersebut telah mati sebelum penerimaan dibuat, adakah ahliwali warisnya berhak di sisi undang-undang untuk menggantikan tempatnya sebagai penerima?

Nampaknya kedudukan perkara ini tidak pula dinyatakan secara jelas di bawah undang2 kontrak malaysia tetapi dengan merujuk kepada pemakaian undang-undang "Common law" Inggeris sesuatu tawaran sama sekali tidak boleh diterima oleh pewaris2 pihak yang telah mati. Hakikat ini memaklumkan bahawa tawaran menjadi terhenti dengan sebab kematian pihak yang kepadanya tawaran ditujukan. 52

Dalam kes Reynolds lawan Atherton, hakim Warrington L. J berkata " Sesuatu tawaran yang ditujukan kepada orang yang masih hidup tetapi orang tersebut telah mati sebelum penerimaan dibuat, maka tawaran tersebut bolehlah dianggap sebagai telah berakhir. Sesuatu tawaran tidaklah diniatkan untuk ditujukan kepada orang mati ataupun kepada pewaris2nya. Kerana itulah tawaran tersebut terhenti untuk menjadi satu tawaran yang boleh diterima. 53

adalah jelas berdasarkan fakta ini bahawa kedudukan perkara ini adalah sama sahaja dengan prinsip perundangan Islam iaitu ahli ahli waris kepada pihak yang mati tidak boleh menggantikan tempatnya untuk menerima tawaran.

#### 4.2.3 Pembatalan Penerimaan

Di awal awal perbincangan telah pun dijelaskan bahawa bila mana sesuatu tawaran itu diterima , maka berhentuklah kontrak dan soal pembatalan tidak timbul lagi di sini. Ini bermakna bila mana penerimaan telah lengkap, maka kontrak telah pun wujud di antara pihak penawar dan pihak penerima dan pihak penerima , di saat itu, sudah tidak berhak lagi untuk menarik balik penerimaannya ataupun membatalkannya. Kedudukan perkara ini adalah jelas di bawah perundangan Islam.

Lebih juga berdasarkan hakikat ini , kita memahami bahawa di bawah perundangan Islam, sesuatu penerimaan itu masih boleh dibatalkan dengan syarat komunikasi penerimaan masih belum lengkap ataupun dengan kata kata lain , masih belum sampai ke pengetahuan pihak penawar.

(ii) bawah undang-undang kontrak Malaysia juga sesuatu penerimaan masih boleh dibatalkan dengan syarat komunikasi penerimaan masih belum lengkap di antara pihak penawar dan pihak penerima.

(ii) dalam seksen 4 (2)(b) akta kontrak Malaysia ada menjelaskan bahawa komunikasi penerimaan adalah lengkap berhadap pihak penerima (yakni mengikat pihak penerima) apabila komunikasi penerimaan itu telah sampai ke pengetahuan pihak penawar.

ini memaklumkan bahawa pihak penerima boleh menarik balik penerimannya semula, walaupun jika dia telah menerima surat pengrimaan dengan syarat surat itu belum lagi tiba ke pihak penawar.<sup>54</sup>

Sebaupun contoh yang dikemukakan ini adalah mengenai kontrak secara bersurat, namun prinsip yang ingin dikemukakan ialah mengenai pembatalan penerimaan iaitu hanya masih boleh dibatalkan dengan syarat komunikasi penerimaan belum sampai ke pengetahuan pihak penawar.<sup>55</sup>

## NOTA KAKI PASAL KE EMPAT

1. Badran Abu 'Ainain Badran, Tarikh al Fiqh al Islami wa Nazariat al Milkiah wa al 'Ukud. Beirut : Darul Nahdah al 'Arabiah, 1968. m.s. 374.
2. Muhammad Yusof Musa, al Fiqh al Islami Madkhal li Dirasah Nizam al Mu'amalat Fihi. (cetakan ketiga) Kaherah : Darul Kutub al Hadiyah, 1958. m.s. 327-328.
3. Ibid.
4. Muhammad Salam Madkur, al Fiqh al Islami al Madkhal wa al Amwal wa al Hukuk wa al Milkiah wa al 'Ukud. (cetakan kedua) Maktabah Abdulllah Wahab, 1955. m.s. 373.
5. Ahmad Farraj Hussein, al Milkiah wa Nazarish al 'Akdi fi Syari'ah al Islamiah. al Darul al Jami'ah, 1986. m.s. 155. dan lihat juga Badran, op. sit. m.s. 375.
6. Ibid (Ahmad Farraj Hussein) m.s. 155.
7. Abdul Fattah Abdul Baqi, Nazarish al 'Akdi wa Iradah al Munfaridah. 1984. m.s. 128-130.
8. G. H. Treitel, An out line of the law of Contract. (cetakan kedua) London : Butterworth, 1979. m.s. 19.
9. Ibid.
10. (1880) 5 C.P.D. 344.
11. Wu Min Aun, Undang-undang Perdagangan Malaysia. (cetakan kedua) Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd. 1987. m.s. 10-11. dan lihat juga P. S. Atiyah, An Introduction to the law of Contract. (cetakan ketiga) New York : Clarendon Press Oxford, 1981. m.s. 58.
12. P. S. Atiyah, ibid. m.s. 58.
13. Wu Min Aun, op. sit. . m.s. 10-11.
14. John Collinge, Tutorial in Contract. (cetakan ketiga) Sydney : The law book company, 1981. m.s. 40.

15. (1828) 4 Bing 653
16. (1876) 2 Ch.D 463
17. Abu Ishak Ibrahim al Shirazi, al Muhaqqab (cetakan ketiga) Jusuk pertama, Mesir : Maktabah Mustafa al Babiy al Halabiy, 1876. m.s. 539
18. Perlu dinyatakan di sini bahawa kontrak Je'aalah di dalam Islam boleh bersifat ditujukan kepada orang tertentu ataupun ditujukan kepada umum.
19. A.G. Guest, Anson's law of Contract, Clarendon Press Oxford, 1978. m.s. 52
20. (1952) 1 K.B. 290
21. Ahmad Farraj Hussein, op. sit. m.s. 155
22. Abdul Fattah, op. sit. m.s. 135
23. P.S. Atiyah, op. sit. m.s. 60
24. Badran, op. sit. m.s. 371.
25. Chitty on Contract. Volum satu (cetakan kedua puluh empat) London : Sweet and Maxwell, 1977. m.s. 45.
26. P.S. Atiyah, op. sit. m.s. 61.
27. Anson's law of contract. op. sit. m.s. 58.
28. (1866) L.R. 1 Ex. 109. Sila lihat kes Macoos Works & Trading Sdn. Bhd. Lawan Phauk Hon Chin & Anor (1976) 2 M.L.J. 177. di mana mahkamah antara lain memutuskan bahawa memandangkan tiada waktu ditetapkan bagi penerimaan tawaran, maka tawaran itu tamat dengan berakhirnya waktu yang munasabah.
29. (1875) 92 U.S. 73; Lihat juga buku A Casebook on contract oleh J.C. Smith dan J.A.C. Thomas, London : Sweet and Maxwell, 1977. m.s. 76-77.
30. Ahmad Farraj Hussein, op. sit. m.s. 156.
31. Mahmood Bilal Mahran, al Madkhal li Dirasati al Fiqh al Islami (cetakan pertama) Kaherah : Darul al Saqafah al 'Arabiah, (tanpa tarikh). m.s. 326.
32. Ahmad Farraj Hussein, op. sit. m.s. 156.

33. Chitty on Contracts, op. sit. m.s. 46.
34. (1962) 3 ALL ER 386 ; (1962) 1 WLR 1184
35. Badran, op. sit. m.s. 377
36. Abdul Fattah, op. sit. m.s. 134
37. Ibid.
38. Ibid.
39. P.S. Atiyah, op. sit. m.s. 58.
40. Anson's law of contract, op. sit. m.s. 56.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. G.H. Treitel, The law of Contract, (cetakan kelima)  
London : Stevens and Sons, 1979, m.s. 36.
44. Anson's law of contract, op. sit. m.s. 56.
45. Muhammad Yusof Musa, op. sit. m.s. 328.
46. Badran, op. sit. m.s. 376.
47. Ahmad Farraj Hussein, op. sit. m.s. 155.
48. Ibid.
49. (1862) 1 H. & C. 249.
50. (1876) 2 Ch.D. 463 at p. 475.
51. Denis Keenan, Contract law Unit, (edisi pertama)  
London : Anderson Keenan Publishing Ltd., 1979.  
m.s. 25.
52. Ibid.
53. (1921) 125 L.T. 690, 695 ; Lihat juga Chitty on  
Contract, op. sit. m.s. 47.

54. Wu Min Aun, Undang-undang Perdagangan Malaysia,  
(cetakan kedua) Selangor : Longman Malaysia,  
Sdn. Bhd., 1987. m.s. 13.

55. Sepanjang penelitian penulis, persoalan pembatalan penerimaan ini tidak pula disentuh oleh penulis-penulis perundangan Islam. Namun demikian prinsip yang penulis kesukakan ini adalah berdasarkan kefahaman penulis sendiri. Begitu juga di bawah akta kontrak Malaysia, tidak terdapat seksen yang khusus yang membicarakan persoalan pembatalan penerimaan.



## KOMENTAR DAN PENDAPAT

Sebagaimana penutup kepada kajian ini, di sini inginlah penulis memberikan beberapa komentar dan penilaian yang ikhlas dari diri penulis terhadap kajian perbandingan yang telah dilakukan ini.

Dengan meneliti segala perbincangan-perbincangan yang telah dibuat di sepanjang penyediaan kertas projek ini, penulis berpendapat bahawa konsep "Tawaran dan Penerimaan" di dalam pembentukan kontrak antara undang-undang Islam dan undang-undang kontrak Malaysia mempunyai banyak persamaannya walaupun tidak dinafikan terdapatnya beberapa perkara yang masih menjadi perbezaan.

Antara perkara yang penulis mendapati mempunyai perbezaan adalah seperti di dalam kes "pembatalan tawaran dengan peluputan waktu yang munasabah" yang dinyatakan di dalam undang-undang kontrak Malaysia tetapi tidak pula dinyatakan oleh fukahak-fukahak Islam.

Adalah jelas berdasarkan kajian ini bahawa segala prinsip-prinsip penting dan asas yang berkaitan dengan konsep "Tawaran dan Penerimaan" di dalam undang-undang Islam juga merupakan prinsip di bawah undang-undang kontrak Malaysia (dengan rujukan kepada undang-undang Inggeris).

Pada pendapat penulis, perkembangan dan perlaksanaan undang-undang kontrak Malaysia yang mempunyai persamaan dan keseragaman dengan prinsip undang-undang kontrak Islam merupakan satu perkembangan yang amat positif dan perlulah dikekalkan.

Malah usaha-usaha ke arah "pembaikian" haruslah diperlakukan dari semasa ke semasa agar segala prinsip-prinsip murni undang-undang kontrak Islam dapat diherjemahkan ke dalam kehidupan dalam bentuk yang lebih praktikal dan efektif.

Bermoga dengan keberkesanan usaha-usaha "pembaikian" ini adalah diharapkan agar hasil-hasil pemikiran fukahak Islam dan cedikiawan-cendikiawan Islam tidaklah lagi hanya tersimpan di lembaran-lembaran kitab semata-mata ataupun tersusun rapi di rak-rak perpustakaan, malah adalah menjadi pengharapan yang amat tinggi bagi seorang Islam untuk melihat hasil-hasil pemikiran yang bernilai ini menembusi dan mengharungi cabaran-cabaran zaman dan masa.

Namun demikian seperkara yang amat ketara yang dirasai oleh diri penulis di sepanjang kajian ini ialah mengenai kekurangan buku-buku yang lengkap dan "complete" yang berkaitan dengan kontrak Islam yang ditulis dalam bentuk yang moden dan bersesuaian dengan kehendak semasa.

Dalam sepanjang kajian ini, penulis mendapati bahawa sebahagian penulis-penulis Islam lebih mirip untuk mengemukakan persoalan kontrak Islam ini dalam bentuk yang umum dan tidak secara mendalam ini bermakna penulisan-penulisan ataupun buku-buku yang membicarakan secara khusus dan terperinci mengenai konsep Kontrak Islam masih lagi di tahap yang amat berkurangan.

Walhubagaimana pun penulis tidak menafikan mengenai kewujudan buku-buku yang membicarakan persoalan kontrak Islam secara yang lebih terperinci dan mendetail seperti buku an Nazariah al 'Ammah li al Muhibat wa al 'Ukud fi Syari'ah al Islamiyah karangan Dr. Subhi Mahmaseani, begitu juga dengan buku Nazariah al 'Akdi wa al Iradah Munfaridah karangan Dr. Abdul Fattah Abdul Baqi, dan juga buku al Madkhal fi al Fiqh al Islami : Tairifuhu wa Tarikhukhu wa Mazahibuhu wa Nazariah al Milkiah wa al Akdi karangan Dr. Muhammad Mustafa Shalabi.

Namun demikian buku-buku yang membicarakan secara khusus ini masih kecil bilangannya dan pada masa yang sama perbincanga-perbincangan yang dilakukan, pada hemat penulis, masih belum mencapai satu tahap yang membanggakan yang dapat memenuhi tuntutan-tuntutan semasa dan masih lagi belum dapat memberikan gambaran yang jelas dan terperinci berkaitan dengan undang-undang kontrak Islam.

Hakikat ini amat dirasai oleh diri penulis terutamanya bilamana penulis berhadapan dengan sesuatu iau atau fakta yang ingin dibuat perbandingan , namun fakta tersebut tidak pula diperincangkan oleh penulis-penulis Islam sedangkan ianya dibincangkan oleh penulis-penulis undang-undang Inggeris

Hakikat yang berlaku ini bukannya melambangkan kelemahan undang-undang Islam kerana segala persoalan yang berlaku itu boleh diselesaikan berdasarkan "metodologi perundangan Islam" dan ijtihad pemikir-pemikir Islam, namun ianya menunjukkan betapa pentingnya dan betapa besarnya peranan yang seharusnya dimainkan oleh ulamak ulamak Islam di saat ini dalam menyelesaikan persoalan-persoalan seperti ini.

Cendikiawan-cendikiawan Islam seharusnya menyegerakan usaha-usaha ke arah melahirkan penulisan-penulisan yang berkaitan dengan kontrak Islam dalam bentuk yang lebih lengkap dan "complete" sebagai jawapan kepada problematika-problematika hidup sehingga umat Islam tidak perlu lagi membuat rujukan kepada hasil-hasil pemikiran ahli-ahli perundangan Barat.

Pada hemat penulis, usaha-usaha ke arah ini adalah teramat penting sekali , selain daripada ianya

bertujuan untuk menampilkan "kesyumulan" Syariat Islam itu sendiri sebagai satu sistem perundangan yang serba lengkap dan praktikal , pada masa yang sama ianya juga berperanan untuk menangkis dan membenarkan sebarang tuduhan yang tidak bertanggungjawab terhadap keagungan Syariat Islam.

Demikianlah beberapa pandangan dan komentar yang penulis merasakan perlu diketengahkan sebagai penutup bicara terhadap kajian ini.

Seperkara lagi yang perlu dinyatakan di sini ialah meskipun mungkin para pembaca mendapati komentar-komentar yang penulis kemukakan tadi agak bersifat "pedas" dan "keras" , namun perlulah ditegaskan di sini bahawa komentar-komentar tersebut haruslah dilihat sebagai satu kritikan yang bersifat peribadi semata-mata akoran dari kajian ini , dan ianya tidak semestinya berupa satu kebenaran yang mutlak.

Para pembaca mempunyai hak yang mutlak untuk menilai komentar-komentar penulis.